



MEMO

JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN: JTM/HQ/900-3/24 Jld. (2))

TARIKH: 3 Julai 2013

PERKARA : PENDAFTARAN PELAJAR PROGRAM BELIA INDIA DAN PROGRAM KOLEJ VOKASIONAL BAGI KEMASUKAN SESI 2/2013	
DARIPADA : TKP	SALINAN : 1) Semua Pengarah Bahagian 2) KPP (Tek. Maklumat)
KEPADA : SEMUA PENGARAH ILJTM	

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pelajar Program Belia India dan Program Kolej Vokasional kemasukan sesi 2/2013 akan mula mendaftar pada 8 Julai 2013.

3. Sehubungan dengan itu, jabatan telah memutuskan bahawa semua pelajar program Belia India akan mendaftar menggunakan aplikasi TMS. Manakala bagi program Kolej Vokasional, pelajar ini tidak perlu didaftarkan menggunakan aplikasi TMS dan pemberian Nombor Daftar Pelajar (NDP) bagi kumpulan pelajar ini akan diberikan secara manual.

4. Untuk itu, kerjasama pihak tuan/puan dipohon untuk memastikan pemberian NDP kepada pelajar program Kolej Vokasional diberikan setelah semua pelajar program sedia ada jabatan dan program Belia India telah didaftarkan.

Kerjasama dan perhatian tuan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Pekerja Pemangkin Transformasi Negara'

(SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI)
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia.